

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Petugas kesihatan mula ambil dadah, pil tidur

Tabiat tidak sihat akibat gangguan emosi, kelesuan melampau kesan bebanan tugas

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Tuty Haryanti Ahmad Bozqi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ada petugas kesihatan yang terdesak akibat gangguan emosi disebabkan pandemik, mengambil dadah dan pil tidur bagi mengurangkan tekanan.

Segelintir daripada mereka juga memulakan tabiat yang tidak sihat seperti merokok dan mengambil kopi berlebihan untuk mendepani kelesuan melampau atau *burnout* berikutan peningkatan beban tugas akibat pandemik COVID-19.

Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA), Prof Datuk Dr Andrew Mohanraj, berkata keadaan itu membimbangkan dan petugas kesihatan terbahit berisiko berdepan gangguan stres pasca trauma (PTSD) seperti dialami bekas tentera yang pernah turun ke medan pe-

rang, dalam tempoh enam bulan hingga setahun akan datang.

"Petugas kesihatan ini menghubungi kami dan mengaku terpaksa mengambil AST (amphetamine type stimulant), iaitu dadah jenis syabu atau *ice*, kerana mahukan keyakinan serta tenaga supaya tidak tertidur ketika bertugas.

"Jumlah yang mula merokok juga ketara. Ada yang minum kopi antara lima hingga enam cawan sehari berbanding hanya satu cawan pada waktu pagi sebelum lonjakan kes COVID-19.

"Ada yang terpaksa makan pil tidur kerana tidak dapat tidur akibat gangguan emosi ketika pandemik. Ini berbahaya kerana pengambilannya antara satu hingga tiga minggu secara berturut-tu-

rut," katanya kepada *BH*.

Terdahulu, *BH* melaporkan lebih 70,000 petugas Kementerian Kesihatan (KKM) berdepan pelbagai gangguan emosi seperti stres, kemurungan dan kecelaruan, serta kelesuan melampau selepas 20 bulan melawan pandemik COVID-19 secara berterusan.

Ada kakitangan kesihatan yang ditemu bual *BH*, mengaku menangis setiap hari selama sebulan apabila pulang ke rumah, stres, berasa tidak berguna kerana tidak dapat menyelamatkan pesakit, selain kemanusiaan diri tercabar apabila terpaksa memili pesakit yang perlu 'dilepaskan' setiap hari.

Mengulas lanjut mengenai PTSD, Dr Andrew, yang juga Perunding Kesihatan Mental dan Pe-

nyalahgunaan Bahan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Asia Pasifik Barat, berkata petugas yang mengalami PTSD mungkin menjadi resah atau takut apabila menghampiri wad unit rawatan rapi (ICU) tempat mereka bertugas ketika COVID-19.

"PTSD ini sama seperti dialami tentera di medan perang, yang mungkin pernah menembak musuh atau melihat rakan sendiri meninggal dunia di hadapan mata.

"PTSD bahaya kerana ia boleh membawa kepada hasrat untuk bunuh diri, selain menjejaskan hubungan dengan rakan dan keluarga," katanya.

Beliau berkata, jumlah petugas kesihatan awam yang menghubungi MMHA untuk mendapat

Ada yang terpaksa makan pil tidur kerana tidak dapat tidur akibat gangguan emosi ketika pandemik

Dr Andrew Mohanraj, Presiden MMHA



perkhidmatan sokongan psikologi meningkat dengan ketara.

"Sebanyak 18 peratus daripada 1,470 panggilan telefon dan pertolongan dalam talian di antara Januari hingga Jun lalu, adalah petugas kesihatan awam.

"Ini jumlah yang amat signifikan kerana sebelum pandemik, kami tidak pernah menerima panggilan daripada petugas kesihatan awam," katanya.

Berikutan itu, Dr Andrew menyarankan KKM mewajibkan proses *debriefing* dalam kalangan petugas kesihatan sebelum dan selepas menjalankan tugas, selain memperluas aktiviti pertolongan cemas psikologi (PFA).

Katanya, proses *debriefing* dalam tempoh tiga hingga lima minit, membolehkan setiap petugas berkongsi keresahan atau apa juga pengalaman dilalui ketika bertugas.

"KKM juga boleh melaksanakan sistem *buddy*, iaitu setiap petugas sama ada doktor atau jururawat digandingkan dengan seorang rakan dan mereka perlu bertanya situasi pasangan mereka setiap hari," katanya.

KKM pertimbang beri cuti tambahan, elak tekanan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mempertimbangkan untuk memberi cuti tambahan kepada petugas kesihatan dalam menangani tekanan terhadap mereka ketika membendung wabak COVID-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata selain cuti tambahan itu, pihaknya juga

akan menggerakkan unit psikologi untuk melaksanakan sesi kaunseling kepada mereka yang tertekan.

"Kita akan lihat bagaimana untuk kurangkan beban mereka (petugas kesihatan). Namun, jika dilihat kejayaan di Lembah Klang apabila vaksinasi dah berjaya, kita mula lihat kapasiti pesakit kritikal di

hospital agak menurun dan memberikan kelegaan kepada petugas barisan hadapan.

"Jadi kita akan meneruskan usaha dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CK) dan kesihatan awam, yang mampu menyumbangkan penurunan (jumlah kes) dan (kurangkan) tekanan terhadap petugas kesihatan," katanya

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Kedah catat penggunaan katil di ICU tertinggi

Putrajaya: Penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) hospital COVID-19 di Kedah adalah yang tertinggi setakat kelmarin, diikuti Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Johor dan Selangor.

Hospital dikhususkan bagi merawat pesakit COVID-19 di Kedah menempatkan keseluruhan 124 katil di wad ICU dengan penggunaannya mencecah 125 peratus, manakala Pulau Pinang pula menyediakan 72 katil dengan penggunaan setakat kelmarin pada 96 peratus.

Di Kelantan pula, ada 85 katil ICU untuk pesakit COVID-19 dengan penggunaan 95 peratus, Perak menempatkan 114 katil dan penggunaan 93 peratus, manakala di Johor ada 110 katil dan penggunaan 92 peratus dan Selangor menempatkan 317 katil dengan kadar penggunaan 90 peratus.

Penggunaan katil ICU di Sarawak pula yang mencatatkan jangkitan tertinggi sejak beberapa hari lalu bagaimanapun masih rendah, iaitu pada kadar 76 peratus daripada 120 katil yang disediakan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melalui hantaran di Facebook beliau semalam, memaklumkan, purata penggunaan keseluruhan katil bukan ICU adalah pada kadar 77 peratus, manakala katil ICU pula pada 82 peratus.

Semalam, katanya, 19,307 kes baharu COVID-19 dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti sebanyak 1,919,774 kes dengan jangkitan di Sarawak terus meningkat apabila merekodkan 3,118 kes diikuti Selangor dengan 2,700 kes.

Ia disusuli Sabah dengan 2,298 kes baharu, Pulau Pinang (2,243), Johor (2,032), Kelantan (1,438), Kedah (1,355), Perak (1,341), Terengganu (910), Pahang (661), Kuala Lumpur (513), Melaka (340), Negeri Sembilan (207), Perlis (108), Putrajaya (28) dan Labuan (15).

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam kenyataan, berkata daripada 19,307 kes COVID-19 semalam, sebanyak 302 atau 1.6 peratus adalah kategori 3, 4 dan 5, manakala 19,005 kes atau 98.4 peratus lagi kategori 1 dan 2.

"Sebanyak 24,855 kes dilaporkan pulih menjadikan jumlah kes pulih 1,657,486. Pada masa sama, 323 kes kematian dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kematian 19,486 kes.

"Selain itu, 1,310 kes memerlukan rawatan di ICU dengan 737 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : MUKA SEPULUH

Kesihatan mental petugas kesihatan mesti diberi perhatian



EXCO Jemaah Profesor
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)

Oleh Prof Datin Dr Sapora Sipon
bhrencana@bh.com.my

Perang melawan COVID-19 ternyata menjejaskan kesihatan mental barisan petugas hadapan kesihatan. Didapati lebih 70,000 daripada mereka berdepan pelbagai gangguan emosi. Hakikatnya, ia isu sejagat dan bukan sahaja berlaku di negara ini.

Malah Hospital Kuala Lumpur (HKL) merekodkan sekitar 45 hingga 50 peratus daripada hampir 2,000 kakitangan kesihatan menjalani saringan kesihatan mental secara dalam talian mahupun bersemuka dari Mac 2020 hingga Julai lalu, mengalami gangguan emosi seperti stres ringan hingga teruk dan kelesuan melampau.

Sebahagian kecil mereka mencapai tahap penyakit psikiatri serius seperti kemurungan teruk atau kecelaruan keresahan. Senario ini adalah realiti yang perlu dicari intervensi berkesan oleh semua pihak terbabit.

Hakikatnya, melindungi barisan petugas hadapan kesihatan dengan menyediakan intervensi psikososial, emosi, sokongan fizikal, bantuan kewangan dan kerohanian ialah keutamaan seperti dijelaskan dalam kajian Gordon Asmundson dan Steven Taylor (2020) daripada Jabatan Psikologi, Universiti Regina, Kanada kerana ia boleh meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Justeru, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mempunyai tugas dan tanggungjawab mencabar dalam memastikan isu kesihatan mental petugas kesihatan mendapat perhatian serta tindakan sewajarnya.

Kewibawaan beliau menerajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebelum ini memang diakui. Sebagai menteri dilihat prihatin, cekap dan kini menerajui Kementerian Kesihatan (KKM), tentu sekali harapan tinggi diletakkan ke atas bahu beliau dan Kementerian di bawahnya untuk terus melaksanakan tugas melawan COVID-19 dengan baik.

Kepentingan kesedaran keselamatan kesihatan petugas hadapan dalam negara menghadapi pandemik COVID-19 diakui *International Society for Quality in Health Care (ISQua)* dan Persekutuan Hospital Antarabangsa (IHF) yang menjelaskan keselamatan petugas hadapan dan pekerja keselamatan adalah amat penting.

Pelbagai faktor menyumbang kepada tahap stres dan kelesuan melampau tinggi dalam kalangan barisan petugas hadapan kesihatan. Jumlah pesakit

baharu masih melebihi 20,000 dan kematian pesakit COVID-19 tinggi menyebabkan ramai petugas kesihatan di hospital serta klinik kerajaan mengalami stres ringan serta teruk, kemurungan dan kecelaruan.

Situasi ini sebenarnya tidak menghairankan kerana pekerja keselamatan kesihatan ialah barisan hadapan COVID-19, sekali gus amat terdedah dengan jangkitan dan pelbagai risiko lain.

Banyak kajian termasuk Prof Neil Greenberg Greenberg (2020) dari Institute of Psychiatry, Psychology & Neuroscience (IoPPN), King's College London menunjukkan petugas kesihatan berhadapan dengan pelbagai masalah psikologikal seperti kebimbangan dan kecelaruan stres pasca-traumatik, kemurungan akibat kurang kemahiran berdaya tindak semasa pandemik berlaku.

Selain itu, kekurangan peralatan peribadi, pendedahan kepada pesakit dijangkiti, bebanan tugas berlebihan, kekurangan sokongan, isu mobiliti berhadapan dengan kematian dan morbiditi adalah penyumbang kepada tahap stres.

Pembabitan secara langsung dengan diagnosis, rawatan dan penjagaan pesakit juga faktor kepada penyumbang masalah psikologikal petugas barisan

hadapan kesihatan.

Stres dan kelesuan melampau boleh menjejaskan motivasi dan pemberian perkhidmatan kakitangan di premis KKM, sama ada di hospital atau di klinik kesihatan seperti ditegaskan Koordinator Pasukan Sokongan Psikososial Kesihatan Mental (MHPSS) Perkhidmatan Psikiatri KKM, Dr Nurul Nadia Ismail seperti disiarkan *BH*, semalam.

Bagaimanapun, sesuatu yang positif apabila dilaporkan, anggota kesihatan di negara ini mempunyai daya ketahanan tinggi dan masih mampu meneruskan perjuangan melawan pandemik walaupun berdepan tekanan.

Namun, pelbagai intervensi perlu dilaksanakan untuk mengurangkan masalah psikologikal petugas barisan hadapan ini. Sesi kaunseling individu dan kelompok, bimbingan berkelompok boleh membantu. Terapi seperti lukisan, terapi seni, terapi naratif antara terapi boleh membantu petugas barisan hadapan menghadapi stres.

Dr Nurul Nadia menjelaskan dengan adanya intervensi aktiviti pertolongan cemas psikologi (PFA), selain menubuhkan MHPSS di sekurang-kurangnya 63 jabatan psikiatri di hospital serta klinik kesihatan seluruh Malaysia, ia dapat mengurangkan tahap stres dan kelesuan petugas barisan hadapan kesihatan. Ini langkah yang amat baik.

Teknik pernafasan tenang dan dalam, pengurusan stres berkesan, penjagaan diri yang baik atau *self-compassion* serta motivasi harian melalui Facebook dalam PFA adalah kaedah yang sememangnya dilihat boleh membantu dalam menangani masalah kesihatan mental dan meningkatkan kualiti kehidupan.


Petugas yang berisiko dengan kelesuan melampau atau tekanan akan dihubungi dan sesi sokongan emosi diberikan secara individu atau berkumpulan, selain kemudahan teknologi turut digunakan seperti menjalani sokongan psikologi melalui WhatsApp dan Telegram.

Petugas yang mempunyai isu kesihatan mental serius akan dihubungkan dengan Unit Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (UKKP) di hospital terbabit untuk memastikan mereka boleh ditempatkan di unit atau jabatan yang bersesuaian jika perlu.

Kesihatan mental barisan petugas hadapan kesihatan amat penting dijaga dengan baik. Mereka sudah, sedang dan akan melaksanakan amanah berdedikasi dalam negara bergelut dengan COVID-19.

Kualiti kehidupan mereka mesti diberi perhatian serius, selain perlu menjaga kesihatan mental dengan baik, sokongan padu perlu diberikan kepada mereka dalam segala bentuk yang ada. Kesihatan mental mereka terjaga adalah manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

“ Kesihatan mental petugas hadapan kesihatan amat penting dijaga dengan baik. Mereka sudah, sedang dan akan melaksanakan amanah berdedikasi dalam negara bergelut dengan COVID-19 ”



Sidang
Redaksi

Pengarang Kumpulan SAIDON IDRIS
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital M THILLYNADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Pengeluaran AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur

Sejak Mac lepas hingga sekarang, kluster tempat kerja kekal sebagai penyumbang utama peningkatan kes Covid-19 di Malaysia.

Tiada siapa boleh mendakannya kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan hingga Ogos lepas, kluster tempat kerja mewakili 53.2 peratus atau 1,549 daripada keseluruhan kluster.

Keadaan tempat kerja terutama dalam bangunan tertutup dikenali pasti berisiko tinggi menjadi sarang penularan virus seperti Covid-19. Malah, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menyatakan sebelum ini risiko penularan Covid-19 dalam bangunan tertutup dengan sistem pengudaraan tidak baik lebih tinggi berbanding di luar bangunan.

Perkara ini dibuktikan oleh kajian penyelidikan tempatan yang menunjukkan virus maut itu mampu terampai lama di udara dan tersebar sejauh lebih dua meter, malah boleh melangkaui enam meter dalam ruang tertutup tanpa pengaliran udara segar.

Kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai Pensyarah Kanan Jabatan Sains Bumi dan Alam Sekitar Prof Madya Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir mendapati ruang tertutup serta operasi pendingin hawa yang mengitar semula udara akan memudahkan penyebaran virus dalam udara melalui aerosol.

"Adalah penting mempunyai pengudaraan baik dengan membuka tingkap dan pintu di rumah atau pejabat bagi membolehkan udara segar masuk.

"Pengaliran pengudaraan yang baik serta ketiadaan penyanggaraan pendingin hawa membawa kebarangkalian tinggi untuk mencetuskan kluster tempat kerja jika ada pesakit Covid-19 datang ke pejabat. Ini kerana individu itu berisiko tinggi menyebarkan virus kepada rakan sekerja lain melalui bawaan udara," jelas Dr Mohd Shahrul.

Hasil kajian tersebut yang diterbitkan dalam jurnal tersebut *Nature Scientific Reports* Januari lepas (2021) tidak boleh dipandang remeh, semestilah melihat trend kadar jangkitan di tempat kerja yang membimbangkan sekarang.

Di sebalik kejayaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) yang semakin menghampiri komuniti kelompok, keadaan semasa pandemik boleh bertambah buruk jika majikan mengabaikan aspek sistem peng-



PLTUGAS kesihatan membuat pemeriksaan terhadap pesakit Covid-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps).
 - Gambar NSTP/MOHID FADEL HAMZAH

KAJIAN TEMPATAN DEDAH BAHAYA RUANG TERTUTUP

Zarah virus terampai di udara lebih 8 jam



Pengaliran pengudaraan yang baik serta ketiadaan penyanggaraan pendingin hawa bawa kebarangkalian tinggi untuk cetuskan kluster tempat kerja jika ada pesakit Covid-19 datang ke pejabat"

Dr Mohd Shahrul

daraan dan prosedur operasi standard (SOP) lain, lebih-lebih lagi pelbagai sektor ekonomi sudah dibenarkan kembali beroperasi.

Ini kerana mereka yang sudah divaksinasi masih boleh dijangkiti Covid-19 dan boleh menjangkiti orang lain. Namun yang dibimbangi ialah ada golongan belum menerima vaksin dan mereka berisiko mendapat kesan teruk jika dijangkiti.

"Kajian saya di hospital sebelum ini mendapati jurawat yang sudah divaksinasi positif Covid-19 dua kali. Cuma kesan jangkitan virus itu minimum, antara kategori 1 dan 2 sahaja berbanding mereka yang tidak mendapat vaksin, berisiko untuk sampai ke peringkat 3 hingga 5.

"Berdasarkan kajian kami yang meneliti pergerakan virus itu di dalam bangunan, SOP seperti kerap memba-

suh tangan dan menjaga jarak tidak cukup untuk memelihara perlindungan terhadap titisan zarah mikro pernafasan yang membawa virus yang disebarkan ke udara oleh orang dijangkiti. SOP itu harus dibantu dengan sistem pengudaraan yang baik," katanya.

Mengulas lanjut mengenai keberadaan virus di udara, beliau berkata, keadaan itu berlaku apabila titisan cairan, sama ada melalui bersin, bercakap atau batuk, daripada seseorang yang positif Covid-19 melekat pada zarah (habuk) terutama yang bersaiz satu mikrometer.

"Jika tiada pengaruh aliran udara, virus tersebut yang melekat pada zarah akan terampai selama lapan jam, namun bagi zarah virus Covid-19 yang lebih halus, kurang daripada satu mikrometer, ia boleh berada lebih lapan jam di udara," katanya.

Kajian kedua pakar simulasi udara dalaman daripada Universiti (Utar), Prof Madya Dr Bernard Saw Lip Huat dan pakar toksikologi Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Leo Bey Fen pula mendapati virus Covid-19 sukar dikawal penyebarannya kerana zarah virus itu boleh berada di udara selama lebih lapan jam.

Saw dalam kajiannya selama tiga bulan bermula Ogos hingga Oktober tahun

lepas (2020) mendapati 50 peratus virus Covid-19 tersebar dalam lingkungan diameter satu meter manakala sebahagian lagi melangkaui dua hingga enam meter.

Kajian itu dilakukan ke atas seorang pesakit Covid-19 ditempatkan di dalam sebuah wad di hospital.

"Wad enam meter ini menggunakan pendingin hawa jenis *cassette air conditioner* yang hanya mengitar semula udara dan tidak ada kemasukan udara luar. Berdasarkan kajian dilakukan menggunakan pengiraan dinamik bendalir, didapati virus SARS-CoV-2 tidak keluar dari wad tersebut.

"Ia berada di dalam bilik dan boleh terampai di udara di mana-mana sahaja kerana tiada pengaliran udara segar untuk membersihkan virus tersebut," kata Saw.

Mengulas lebih lanjut, Saw berkata, tahap risiko seseorang itu boleh dijangkiti melalui bawaan udara bergantung pada jumlah virus yang tersebar di dalam sebuah bangunan tertutup.

Jika virus itu yang tersebar melalui bersin, bercakap dan bernafas adalah banyak, maka ada kemungkinan seseorang yang dijangkiti akan mengalami jangkitan teruk.

Setakat 17 Ogos 2021, negara merekodkan 710 kes VOI (varian yang perlu diperhatikan) dan varian yang membimbangkan (VOC), dan daripada jumlah itu, 467 adalah kes varian Delta (VOC).

"Tiada cara lain lagi. Keperluan kualiti udara dalaman wajar diambil perhatian jitu oleh majikan. Sebenarnya, pihak majikan yang kebanyakannya menggunakan sistem pendingin hawa berpusat, boleh membenarkan udara segar masuk ke dalam sebuah bangunan mereka secara berkala. Ini dilakukan di China, iaitu tiga kali sehari, lebih kurang 30 minit. Mereka melakukannya dengan cara mengawal sistem pendingin hawa untuk membenarkan kemasukan udara segar ke dalam bangunan tertutup bagi proses *flushing* udara.

"Tetapi tidak ramai majikan mahu membuatnya kerana melibatkan kos tinggi," katanya.

Selain itu, beliau berkata, amalan sanitasi pejabat tanpa penyanggaraan pendingin hawa tiada manfaat kerana risiko penyebaran tetap wujud jika individu positif Covid-19 datang ke pejabat selepas dua hari tempat kerja disanitasi.

Ini kerana katanya sanitasi hanya membersihkan virus tersebut pada hari berkenaan sahaja dan tidak berkekalan hingga hari-hari seterusnya.

Justeru, beliau berpandangan penggunaan pembersihan udara yang mempunyai penapis udara HEPA (sejenis penapis udara mekanikal berfungsi dengan memaksa udara melalui jaringan halus yang memerangkap zarah

berbahaya seperti kuman dan sebagainya) antara alternatif boleh dilakukan majikan bagi meningkatkan kualiti pengudaraan dalaman.

Hakikatnya, ancaman Covid-19 bawaan udara dalam bangunan tidak dipandang remeh kerajaan apabila Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) membangunkan satu Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalaman (IAQ) bagi membantu mengurangkan penularan virus tersebut melalui udara.

Objektif panduan itu adalah memaklumkan kepada masyarakat mengenai kaedah bagi menambah baik pengudaraan dan kualiti udara dalaman di tempat kerja, kemudahan kesihatan, kediaman dan tempat awam, dengan tujuan mengurangkan risiko penularan Covid-19 melalui udara.

Panduan tersebut yang perlu dirujuk bersama SOP terkini dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara.

Mengulas mengenai isu itu, Timbalan Presiden I Perutusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) Mohamad Aliasman Morshidi berkata, selain panduan IAQ, majikan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 jika gagal menyediakan tempat kerja yang selamat dan ini termasuk kualiti pengudaraan di dalam bangunan.

"Secara umumnya terdapat beberapa peruntukan dalam AKKP 1994 seperti Seksyen 15 dan Seksyen 17 yang menerangkan kewajipan majikan untuk memastikan mereka menyediakan tempat kerja yang selamat dan tanpa risiko kesihatan kepada pekerja.

"Di sini pihak majikan mesti membuktikan mereka mengambil langkah terbaik dalam mengurangkan jangkitan Covid-19 di tempat kerja dengan melakukan penaksiran risiko dengan betul dan meletakkan langkah kawalan yang efektif dengan merujuk kepada SOP yang ditetapkan pihak berkuasa.

"Sekiranya majikan atau pemilik bangunan gagal mematuhi ICOP IAQ atau Kod Tataamalan Industri bagi Kualiti Udara Dalaman 2010, mereka boleh didakwa di bawah AKKP 1994," katanya.

Menyadari akan kepentingan majikan menyediakan pengaliran udara dalaman yang baik, beliau berkata, MSOSH sebagai persatuan yang aktif dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia menganjurkan pelbagai program kesedaran mengenainya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : COVID-19



KAUNSELING emosi mencatatkan panggilan tertinggi iaitu 109,568.

122,851 RINTIHAN SANUBARI

Luahan perasaan 'terapi' terbaik

Kuala Lumpur: Rasa jiwa kosong, bingung dan hilang arah menyebabkan seorang pemandu van sekolah mengadu nasib dengan menghubungi Talian Bantuan Sokongan Psikososial.

Kehilangan sumber pendapatan dalam sekelip mata akibat pandemik Covid-19 ternyata sukar diterima Mariah, 40, yang buntu memikirkan nasib menimpa keluarganya.

Sejak 10 tahun lalu, dia membantu meringankan beban suami dengan menambah pendapatan keluarga sebagai pemandu van sekolah di Melaka yang mampu memperoleh lebih RM2,000 sebulan.

Namun, kemunculan wabak maud yang melanda negara sejak Mac tahun lalu menyebabkan dia kini hanya bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk meneruskan hidup.

"Pada awalnya, saya masih boleh bertahan, dengan harapan wabak ini (berlaku) hanya sementara dan dapat meneruskan operasi (mencari rezeki) seperti biasa.

"Selepas setahun, tidak ada apa yang boleh dilau-

kukan, van sekolah pula tidak boleh dijual kerana masih mempunyai hutang.

"Sampai satu tahap, saya jadi sangat buntu dan memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan. Atas nasihat badan bukan kerajaan (NGO) Amal Revival Care, saya hubungi talian (psikososial) dan bercakap dengan kaunselor bagi meluahkan perasaan," katanya.

Katanya, dia sendiri tidak pernah menyangka dirinya memerlukan sokongan psikososial seperti itu kerana selama ini menganggap ia hanya untuk mereka yang mempunyai masalah mental.

Sementara itu, Ainul, 30-an, berkata, dia juga menjadikan talian terbabit untuk bercakap dengan kaunselor bagi meluahkan tekanan dialaminya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, dia mengambil masa lebih setengah jam untuk berbual dan bercerita mengenai kesempitan hidup dan bersyukur ia secara tidak langsung dapat meredakan sedikit tekanan dihadapi.

"Saya jadi sangat buntu dan memerlukan seseorang untuk meluahkan perasaan"
 Mariah

"Ganjaran di akhirat sudah tentu lebih besar bagi mereka yang yakin"
 Dr Wan Salim

Talian Bantuan Sokongan Psikososial 'dibanjiri' panggilan

Oleh Yusmizal Dolah Aling yusmizal@hmmetro.com.my

Kuala Lumpur

Isu penjagaan anak, krisis rumah tangga dan pengurusan emosi antara 122,851 panggilan diterima Talian Bantuan Sokongan Psikososial berkaitan mental dan emosi setakat Jun lalu.

Talian itu diwujudkan sejak Mac 2020 dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta badan bukan kerajaan (NGO) Mercy Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, talian itu disediakan khusus bagi

mengendalikan masalah psikososial dalam kalangan rakyat terkesan dari segi emosi dan kesihatan mental.

Menurutnya, daripada jumlah itu, kaunseling emosi mencatatkan panggilan tertinggi iaitu 109,568, maklumat Covid-19 (6,228 panggilan), aduan dan pertanyaan (2,642 panggilan), rumah tangga (2,796 panggilan), bantuan keperluan asas (456 panggilan) dan isu kesihatan pula sebanyak 448 panggilan.

Katanya, selain itu masalah berkaitan kerohaniaan mencatatkan 446 panggilan, penjagaan anak, (106 panggilan), psikiatri (69 panggilan), bantuan kewangan (62 panggilan) dan penderaan (30 panggilan).

"Isu mengenai pengurusan kesihatan mental ini sangat penting ketika rakyat berdepan dengan wabak Covid-19, sekatan pergerakan dan kehilangan mata pen-

carian. "Kita juga terima kes tindakan di luar jangkaan seperti mencederakan diri sendiri sebanyak 238 kes dari Januari sehingga Mac tahun ini.

"Sebab itu kita dalam perancangan untuk memperkasakan beberapa aspek seperti meminda Seksyen 309 Kanun Keseksaan.

"Usaha dekriminilisasi cubaan bunuh diri ini penting untuk membantu mereka yang terasas dalam menangani masalah serius kehidupan," katanya.

Beliau berkata, antara langkah yang sudah diambil termasuk melantik 200 pegawai psikologi berstatus kontrak untuk bertugas di daerah dan klinik kesihatan.

Katanya, KKM juga mewujudkan Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental 2020-2025 sebagai langkah menangani masalah mental.

"Sebagai ahli komuniti, kita perlu sentiasa peka dengan perubahan orang di sekeliling kita.

"Ini isu kita bersama. Perhatikan kawan atau jiran yang ada perubahan tingkah laku. Jumpa doktor atau kaunselor sebelum kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

Talian Bantuan Sokongan Psikososial termasuk Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) boleh dihubungi di 03-29359935 atau 014-3223392, Talian Kasih 15999 (WhatsApp Talian Kasih di 0192615999) bagi mendapatkan pelbagai bantuan selain aduan keganasan rumah tangga.

Selain itu, terdapat juga talian dikendalikan Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (RKS) Care Jakim melalui WhatsApp 0119598214 serta Befrienders Kuala Lumpur di talian 03-76272929.

Doa sebagai 'ubat' ditimpa musibah

Kuala Lumpur: Islam menyarankan beberapa kaedah praktikal dalam menghadapi tekanan emosi akibat ditimpa musibah seperti pandemik Covid-19.

Antara formula paling berkesan adalah memohon doa kepada Allah SWT bagi membantu keluar daripada kesesahan yang dihadapi untuk mendepani kehidupan akan datang.

Mufti Pulau Pinang Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor berkata, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amalan seperti membaca al-Quran, qiamullail, zikir dan beristighfar selain reda dengan ujian yang diterima.

Katanya, selain itu mereka juga seharusnya bertaubat tanpa berputus asa kerana sebagai manusia sudah tentu melakukan dosa.

"Tiada manusia yang tidak melakukan dosa kecuali Rasul dan Nabi. Yakinihlah bahawa Allah SWT sentiasa menerima taubat daripada hamba-hambanya.

"Mungkin segala musibah yang menimpa diri kita adalah salah satu cara untuk Allah menghapuskan dosa-dosa kita.

"Kita juga perlu sentiasa

bersedekah kepada golongan fakir miskin dan membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Dr Wan Salim berkata, terdapat banyak cara untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik sama ada dengan harta benda, membantu dengan anggotabadan, mengajar ilmu, kepandaian serta kemahiran.

Katanya, seseorang yang sering membantu orang lain dan banyak melakukan kebajikan kepada sesama manusia sentiasa berasa tenang dan bahagia.

"Nilah ganjaran Allah di dunia ini, manakala ganjaran di akhirat sudah tentunya lebih besar bagi mereka yang yakin.

"Untuk merawat tekanan jiwa ini, pertama sekali kita mesti faham bahawa sememangnya Allah SWT menjadikan kehidupan di dunia ini dalam keadaan yang sentiasa berubah.

"Senang dan susah, suka dan duka silih berganti, hal ehal manusia sentiasa berubah dari semasa ke semasa," katanya.

TEKANAN dialami boleh direedakan dengan merujuk kepada pakar perunding bertauliah.



Tambah jumlah pakar perunding

Kuala Lumpur: Peluang menyantuni golongan yang terkesan akibat pandemik Covid-19 digunakan Pertubuhan Amal Global Care Revival untuk memberi maklumat mengenai Talian Bantuan Sokongan Psikososial yang disediakan kerajaan.

Pengasasnya, Ahmad Fahmi Mohd Hussain berkata, pihaknya membantu dengan berkongsi maklumat mengenai talian itu kepada mereka yang memerlukan setiap kali turun padang.

Menurutnya, ia bagi membantu mereka untuk meredakan tekanan dan mengelakkan daripada menjadi begitu tertekan dengan kehidupan norma baharu ketika ini.

Katanya, biarpun mempunyai pengalaman beberapa tahun dalam memberikan bantuan berupa

makanan asas, dia mengakui aspek psikososial perlu diserahkan kepada individu yang memiliki kepakaran.

"Kita tidak mempunyai kemahiran untuk menyantuni emosi mereka yang terkesan ini.

"Ia bukanlah sesuatu yang mudah terutama apabila berdepan dengan mereka yang menghadapi tekanan perasaan kritikal.


"Saya harap pihak berkuasa dapat menambah baik perkhidmatan diberikan, termasuk menambah jumlah pakar perunding bagi menyantuni setiap permasalahan yang diajukan," katanya.

Katanya, setakat ini maklum balas diterima pihaknya mengenai talian sokongan seperti itu amat positif dan ia perlu diteruskan dalam keadaan yang semakin mencabar ketika ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19



PENOLONG Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan Daerah Timur Laut, Amler Othman menampal notis penutupan serta-merta di Pasar Awam dan Kompleks Makanan Farlim di Lebuhraya Thean Teik, Air Itam, semalam. - Gambar NSTP/MIRAIL ONG

18 individu sah positif

Pasar Awam dan Kompleks Makanan Farlim ditutup

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Pasar Awam dan Kompleks Makanan Farlim, Bandar Baru Air Itam di sini, ditutup serta-merta berkuat kuasa jam 11.30 pagi semalam, susulan 18 peniaga dan pembantu gerai disahkan positif Covid-19.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada kenyataan berkata, perintah penutupan dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengikut Sub-Seksyen 18 (1) (f) Akta Tindakan dan Kawalan Pencegahan Penyakit 1988.

"Penutupan pasar awam dan kompleks makanan ini bagi membolehkan kerja sa-

nitasi dijalankan sebagai langkah mengekang penularan pandemik.

"Penutupan membabitkan 159 gerai dalam pasar awam dan 22 gerai dalam kompleks makanan," katanya.

Selain itu, MBPP bersama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) juga akan menjalankan penilaian Covid-19 terhadap pasar berkenaan.

"MBPP menasihatkan per-satuan di semua pasar dan kompleks makanan supaya memastikan kawalan pengunjung dilaksana dengan baik pada setiap masa.

"Individu yang berstatus risiko tinggi dalam aplikasi MySejahtera dilarang masuk ke pasar awam atau kompleks makanan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : COVID-19

Kadar Rt rendah

Oleh Amir Abd Hamid
 dan Ekhwan Haque
 Fazlul Haque
 am@hmetro.com.my

Jangkitan Covid-19 di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka serta Labuan kini tunjuk situasi lebih baik

Kuala Lumpur

Kes Covid-19 sedikit terkawal kebelakangan ini dengan merekodkan kadar kebole-hangkitan atau R-naught (Rt) 0.97.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, negeri di Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka dan Labuan juga kini sudah menunjukkan situasi yang lebih baik.

Menurutnya, trend mendatar dan kurang stabil pula dikesan di beberapa negeri seperti Perak, Perlis, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Sabah.

"Beberapa negeri pula didapati menunjukkan peningkatan kes seperti ne-

geri Sarawak dan Terengganu.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memberi perhatian khusus dan menurunkan jangkitan selain memastikan kemudahan kesihatan tidak terbeban, menghantar aset dan peruntukan tambahan," katanya dalam sidang media di KKM, semalam.

Sementara itu beliau berkata, dalam mesyuarat peringkat pengurusan KKM juga sudah memutuskan untuk menghantar

pesakit Covid-19 kategori tiga dihantar untuk rawatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Katanya, pesakit berisiko tinggi untuk kategori dua juga akan dihantar ke PKRC agar pemantauan lanjut boleh dilakukan oleh petugas KKM.

"Sebanyak 2,417 kes brought in dead (BID) direkodkan sehingga Ogos ini dengan 217 kes adalah di bawah pemantauan KKM dan pengamal perubatan swasta (GP).

"Daripada jumlah kese-

luruhan itu, 86 peratus pula adalah kematian yang bukan berada dalam pemantauan kementerian dan GP," katanya.

Khairy berkata, KKM kini dalam usaha untuk mengurangkan kes BID dan kini Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga akan mengenal pasti langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kes berkenaan.

Dalam pada itu, hanya 0.009 peratus daripada sejuta individu yang divaksin meninggal dunia.

Katanya, daripada jumlah itu, 81 peratus adalah mereka yang berusia lebih 60 tahun dan mempunyai komobid.

“
 KKM kini dalam
 usaha untuk
 mengurangkan
 kes BID
 Khairy

Sampel 2 kes import Jenis A dianalisis

Labuan: Dua kes import Jenis A Covid-19 baharu yang dikesan pada Selasa lalu di sini, sedang dianalisis sama ada berkait dengan varian membimbangkan (VOC).

Jenis A adalah kes import membabitkan warga asing manakala Jenis B membabitkan kes dari luar Labuan, tetapi dari dalam Malaysia.

Pengarah Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari berkata, dua kes berkenaan

membabitkan kru kapal asing yang pelabuhan terakhir mereka adalah negara di mana varian Mu dan Lambda Covid-19 dikesan.

"Satu daripada kes berkenaan dikuatiri boleh mencetuskan jangkitan yang tinggi, jadi kita tidak ada pilihan terpaksa menghantar sampel untuk dianalisis ke Semenanjung," katanya kepada Bernama, semalam.

323 kematian, keseluruhan cecah 19,486 kes

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 di negara ini menurun dengan 19,307 kes dilaporkan semalam berbanding 19,733 kes, kelmarin.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, jumlah kes baharu Covid-19 direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan positif kepada 1,919,774 kes.

"Daripada 19,307 kes Covid-19 hari ini sebanyak 302 atau 1.6 peratus adalah kategori tiga, empat dan lima manakala 19,005 kes (98.4 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua. Sebanyak 24,855 kes dilaporkan pulih hari ini menjadikan jumlah kes pulih kepada 1,657,486.

"Pada masa sama, 323 kes kematian dilaporkan hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian kepada 19,486 kes," katanya.

Beliau berkata, selain itu, 1,310 kes pula memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 967 kes disahkan Covid-19, 343 kes suspek, kemungkinan dan

kes dalam siasatan sementara 737 kes memerlukan bantuan pernafasan (464 kes disahkan Covid-19, 273 kes suspek, kemungkinan dan kes dalam siasatan).

Khairy berkata, secara amnya, dapat melihat sedikit penurunan jumlah kes Covid-19 yang dilaporkan di dalam negara.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



TINJAUAN pada hari terakhir sekatan jalan raya di Gerbang Kota Darul Ehsan, Lebuhraya Persekutuan di Kuala Lumpur semalam. - MUHAMAD IQBAL ROSLI

2,200 kes BID tiada bantuan perubatan

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Sebanyak 2,200 kes atau 86 peratus kematian di luar hospital atau brought-in-dead (BID) yang dilaporkan sehingga Ogos lalu didapati tidak memperoleh sebarang bantuan perubatan daripada fasiliti kesihatan awam dan swasta.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jumlah itu adalah daripada keseluruhan 2,417 kes BID yang dilaporkan bagi tempoh sama.

"Hanya 217 atau 14 peratus kes BID yang berada di bawah jagaan Kementerian Kesihatan (KKM) dan pengamal perubatan swasta," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Untuk itu, beliau berkata, strategi KKM untuk mengurangkan kes BID yang mendapat pemantauan perubatan antara lain dengan mempertingkatkan jumlah pemantauan pesakit di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), pejabat kesihatan daerah serta fasiliti lain.

"Bahagian Pembangunan Ke-



RIAN MALAY
KHAIRY JAMALUDDIN

sihatan Keluarga telah diminta untuk meneliti kes-kes berkenaan supaya pihak kementerian dapat membuat advokasi secara lebih efektif kepada masyarakat umum," katanya.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, kematian membabitkan individu lengkap menerima vaksin Covid-19 adalah 0.009 peratus atau 90 individu daripada sejuta keseluruhan populasi yang telah divaksin.

Katanya, 81 peratus daripada kematian individu lengkap divak-

sin mempunyai sejarah komorbid, manakala 60 peratus lagi dilaporkan berusia 60 tahun ke atas yang menjadi penyumbang kepada faktor kematian.

"Imunisasi Covid-19 dapat menyelamatkan nyawa. Vaksinasi tidak kira apapun dapat memberi perlindungan kepada penerima, namun kematian boleh berlaku dan ia berlaku di seluruh dunia," katanya.

Dalam perkembangan berbeza, Khairy Jamaluddin berkata, KKM memperkenalkan laman sesawang COVIDNOW bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat terkini mengenai situasi Covid-19 di negara ini.

"Menerusi laman web berkenaan, ia akan memaparkan data yang lebih mudah difahami serta diakses oleh masyarakat umum.

"Saya berharap dengan data dan maklumat yang dikongsi di COVIDNOW, masyarakat mempunyai pemahaman dan kesedaran yang lebih baik berkenaan situasi jangkitan Covid-19 dalam negara," tambahnya.

Pelajar divaksin di sekolah, serentak dengan sesi persekolahan

PUTRAJAYA – Proses vaksinasi Covid-19 kepada pelajar akan berjalan serentak dengan pembukaan sekolah yang akan bermula 3 Oktober ini secara berperingkat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, beberapa kaedah model pelaksanaan vaksinasi akan dibuat dengan kebanyakan pelajar akan menerima imunisasi masing-

masing di sekolah.

Beliau berkata, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali diberi tanggungjawab sebagai penyelaras program vaksinasi untuk golongan remaja.

"Saya yakin bahawa kita akan bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dalam pelaksanaan proses vaksinasi melibatkan golongan

remaja ini.

"Prosedur operasi standard (SOP) berhubung pembukaan sekolah juga akan diumumkan Kementerian Pendidikan tidak lama lagi," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, Khairy Jamaluddin berkata, KPM dijangka membentangkan SOP terbaharu mengenai pembukaan semula sekolah secara bersemuka tidak

lama lagi.

Beliau berkata, perkara itu dibincangkan dalam satu mesyuarat bersama antara Kementerian Kesihatan (KKM) dan KPM yang dipengerusikan beliau dan Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Radzi Jidin.

"Dalam mesyuarat yang turut disertai Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah serta pengurusan ter-

tinggi KKM memberikan input input berdasarkan kepakaran mereka.

"Kerjasama antara kementerian-kementerian dan usaha sama dengan masyarakat dalam waktu pandemik Covid-19 sebegini amat penting untuk digemblang bagi menghasilkan ketetapan SOP yang selamat buat semua khususnya buat anak-anak kita," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

KPDNHEP, KKM akan buat semakan semula menjelang akhir tahun ini

Kaji turun lagi harga kit ujian Covid-19

PETALING JAYA – Kerajaan akan menyemak semula bagi menurunkan harga kit ujian sendiri Covid-19 menjelang hujung tahun ini untuk kegunaan semua lapisan masyarakat.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang meneliti isu tersebut.

"Bagi memperluaskan usaha pengujian kepada semua masyarakat, KKM sudah mengiktiraf kit ujian pantas (RTK) Antigen dan meluluskan beberapa kit ujian sendiri Covid-19 yang boleh dibeli orang ramai di farmasi seluruh negara.

